



SEJENAK BERSAMA DENGAN  
MANTAN KETUA PENGARAH ILKAP  
YBHG. DATO' MOHAMAD HANAFIAH HAJI ZAKARIA



**Assalamualaikum dan salam sejahtera YBhg. Dato'. Ribuan terima kasih diucapkan kepada YBhg. Dato' atas kesudian untuk meluangkan masa ditemu bual oleh pihak ILKAP E-Newsletter (*Insight*) Bil. 2/2020. Dengan ini, izinkan kami memulakan temu bual bersama YBhg. Dato'.**

**Sudi sekiranya YBhg. Dato' dapat berkongsi dengan pembaca ILKAP E-Newsletter (*Insight*) mengenai latar belakang kehidupan YBhg. Dato'?**

Saya dilahirkan di Kuantan, Pahang pada 13 Ogos 1960 tetapi dibesarkan di Taiping, Perak. Saya belajar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan King Edward VII (2), Taiping dari darjah satu hingga darjah enam (tahun 1967 hingga 1972) dan kemudiannya di Sekolah Menengah King Edward VII, Taiping dari tingkatan satu hingga tingkatan lima (tahun 1973 hingga 1977). Saya menyambung pelajaran dalam

tingkatan enam di Sekolah Menengah Anglo-Chinese (Gereja Methodist), Ipoh (tahun 1978 hingga 1979). Seterusnya, saya melanjutkan pelajaran dalam bidang undang-undang di Universiti Malaya, Kuala Lumpur pada tahun 1981 dan tamat pada tahun 1985.

**Bagaimana pula dengan latar belakang kerjaya YBhg. Dato'?**

Sebagai pemegang biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam, selepas tamat belajar, saya telah dilantik sebagai Pegawai Undang-Undang ("PUU")



Sementara untuk tempoh satu tahun bermula 1 Julai 1985 dan ditempatkan di Mahkamah Sesyen/Majistret, Jalan Duta Kuala Lumpur. Saya kemudiannya dilantik sebagai Majistret di Mahkamah Majistret, Kampar, Perak pada 1 Ogos 1985. Setelah lulus Peperiksaan Am Kerajaan dan menyempurnakan Tapisan Keselamatan Halus serta menghadiri sesi temu duga oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, saya ditawarkan dengan jawatan sebagai PUU tetap pada 19 Februari 1986 yang berkuat kuasa pada 1 Julai 1985. Tiga tahun kemudian saya bertukar ke Mahkamah Majistret, Kuala Lumpur.

Bermula 16 Februari 1989, saya mengorak langkah dalam arena pendakwaan apabila saya dilantik menjadi Timbalan Pendakwa Raya (“TPR”) di Bahagian Pendakwaan, Jabatan Peguam Negara, Kuala Lumpur. Saya telah berkhidmat sebagai TPR di pelbagai tempat termasuklah di Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor, di Unit Jenayah Perdagangan, Bahagian Pendakwaan, Jabatan Peguam Negara dan di Bahagian Pendakwaan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Pada 16 Jun 1994, saya ditugaskan sebagai Ketua Unit di beberapa Unit dalam Bahagian Pendakwaan, Jabatan Peguam Negara sehinggalah pada 2 November 2005, saya ditugaskan sebagai Timbalan Ketua Bahagian Pendakwaan (Operasi), Jabatan Peguam Negara selama kira-kira sepuluh tahun, iaitu sehingga 30 November 2015. Setelah lebih 25 tahun berkecimpung dalam bidang pendakwaan,

saya berpeluang meluaskan pengalaman kerjaya saya dan telah menerima pelantikan sebagai Ahli Majlis Pakar Pelbagai Disiplin (Pendakwaan), Jabatan Peguam Negara pada 1 Disember 2015 hingga 30 Jun 2018 sebelum ditugaskan untuk tempoh singkat sebagai Ketua Bahagian Perbicaraan dan Rayuan, Jabatan Peguam Negara pada 2 Julai 2018 sehingga 6 November 2018.

Seterusnya, pada 7 November 2018 saya telah dilantik sebagai Peguam Cara Negara III sehingga 31 Julai 2019.

Pada 1 Ogos 2019, saya ditukarkan sebagai Pegawai Penyelidik Kanan, Jabatan Peguam Negara dan ditempatkan di Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) sehinggalah diberikan tanggungjawab menjadi Ketua Pengarah ILKAP pada 20 Mei 2020.

Sepanjang perkhidmatan saya sebagai pegawai undang-undang, saya juga telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Jabatan Peguam Negara pada tahun 1996, 2004, 2005 dan 2014.

**Apakah aspirasi YBhg. Dato' dalam melaksanakan tanggungjawab YBhg. Dato' sebagai seorang penjawat awam?**

Dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai penjawat awam, kita perlu merealisasikan aspirasi Kerajaan semasa serta membantu menyebarluaskan segala maklumat, polisi serta dasar terkini Kerajaan kepada masyarakat. Kita perlu memahami aspirasi Kerajaan agar hala



tuju negara dapat direncanakan sebaiknya. Walau bagaimanapun, sebagai penjawat awam dalam bidang perundangan negara, kita mesti memastikan bahawa segala polisi serta dasar Kerajaan tetap selaras dengan undang-undang negara terutamanya Perlembagaan Persekutuan dan hak rakyat dilindungi serta keadilan ditegakkan. Kita perlu memastikan institusi kehakiman dan perundangan kekal bebas daripada pengaruh luar yang menyalahi perundangan dan kedaulatan undang-undang sentiasa diutamakan.

**Adakah terdapat apa-apa pengalaman dalam kerjaya YBhg. Dato' yang mengubah kehidupan YBhg. Dato' secara positif dan apakah perubahan tersebut ?**

Saya mula merasakan kesibukan apabila dilantik sebagai TPR di tahun ketiga perkhidmatan. Tugasan meneliti kertas siasatan, menyediakan laporan, mengendalikan perbicaraan atau rayuan di mahkamah sebenarnya merupakan tanggungjawab berat dan saya dapati saya sentiasa sibuk dengan kerjaya. Ia agak membebarkan minda juga kerana tugas pendakwaan ini berkisar tentang kebebasan dan keadilan manusia serta pencegahan dan pelaksanaan hukuman jenayah dalam Negara ini.

Oleh itu, apabila saya ditukarkan ke Majlis Pakar Pelbagai (Pendakwaan) dan kemudiannya ke ILKAP sebagai Pegawai Penyelidik Kanan, kesibukan dan stres kerja tersebut berkurangan. Kedua-dua penempatan ini adalah suatu perubahan

yang besar dalam kehidupan peribadi saya dan secara amnya banyak kebaikan yang saya perolehi.

**Berdasarkan pemerhatian YBhg. Dato', secara amnya apakah kekuatan pegawai yang baharu sahaja memulakan langkah dalam perkhidmatan kehakiman dan perundangan yang wajar dipupuk dan diguna pakai dalam mempertingkatkan perkhidmatan?**

Saya mendapati pegawai baharu mempunyai kelulusan akademik yang cemerlang. Ada yang telah menjadi peguam tetapi memilih untuk memasuki perkhidmatan awam dengan harapan mereka berjaya dalam kerjaya mereka sebagai penjawat awam dalam perkhidmatan kehakiman dan perundangan. Saya berpandangan bahawa pegawai baharu ini perlu diberikan latihan dan didedahkan kepada pelbagai disiplin kerja dalam perkhidmatan kehakiman dan perundangan. Ketika 'muda' dalam perkhidmatan inilah mereka perlu belajar di pelbagai lapangan dan tidak dibiarkan lama di satu tempat sahaja supaya apabila menjadi pegawai kanan kelak, mereka mempunyai pengalaman yang luas dan tidak terhad kepada satu lapangan sahaja.

Selain itu, pegawai baharu ini perlu dilatih dan didedahkan dengan cara terbaik membuat keputusan. Contohnya, seseorang TPR bukan sahaja bertugas mendakwa pesalah untuk memberikan keadilan tetapi juga untuk menegakkan keadilan. Oleh itu, sekiranya berlaku suatu ketidakadilan dalam proses pendakwaan,



wajarlah keputusan dibuat supaya ketidakadilan tersebut tidak berlanjutan.

Adalah penting pegawai baharu ini dilatih dari awal supaya berani membuat keputusan yang adil dan tidak menzalimi sesiapa dengan kuasa pendakwaan yang diberikan oleh undang-undang.

Pengalaman luas dalam pelbagai disiplin undang-undang dan keupayaan membuat keputusan yang berasas dan adil ini sebenarnya sangat ideal dan memberikan nilai tambah yang berharga dalam perkhidmatan awam.

**Pada pandangan YBhg. Dato', apakah kelemahan pegawai yang baharu memulakan langkah dalam perkhidmatan kehakiman dan perundangan yang paling perlu dikikis supaya dapat mendatangkan impak yang lebih positif dalam kerjaya mereka?**

Kebanyakan pegawai baharu memilih untuk menjadi Majistret atau TPR sedangkan dalam Skim Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan ("Skim")

terdapat pelbagai disiplin kerja yang boleh dipilih. Saya berpandangan pegawai baharu yang ingin berkhidmat dalam Skim ini wajar merebut peluang untuk bertugas di pelbagai lapangan bagi membolehkan mereka menimba ilmu, kepakaran, kemahiran dan pengalaman yang lebih meluas dalam kerjaya mereka.

**Pada pandangan YBhg. Dato', apakah kekuatan yang perlu ada dalam diri seseorang pegawai kehakiman dan perundangan?**

Pegawai kehakiman dan perundangan perlu berani memberikan pendapat berpandukan peruntukan undang-undang dan nas-nas walaupun ia mungkin tidak selari dengan pandangan atau keputusan pegawai yang lebih kanan. Dengan memberikan pendapat, secara tidak langsung seseorang pegawai itu boleh terlibat dalam proses membuat keputusan penting yang melibatkan unit, bahagian, jabatan atau dalam keadaan tertentu, melibatkan kepentingan masyarakat dan Negara. Tetapi, mana-mana pegawai wajar menghormati sebarang keputusan akhir yang dibuat oleh pihak atau pegawai yang lebih kanan daripadanya.

# Insight

ILKAP E-News Letter  
INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN

JULY  
-  
DIS  
2020



Dengan pengalaman luas dan sejarah yang panjang dalam perkhidmatan awam, sudi YBhg. Dato' berkongsi moto kerjaya yang dipegang sehingga kini?

Saya bukan berasal daripada kaum Iban tetapi kata-kata azimat pahlawan Iban iaitu “Agi idup Agi Ngelaban” adalah moto yang saya pegang selama ini. Ia bermaksud selagi nyawa di badan, pasti akan melawan, serta semangat setia kawan yang sentiasa mendalam. Dalam skop kerja sebagai TPR, selagi kes itu tidak kalah, saya akan lawan.

Akhir kata, walaupun tempoh bersama ILKAP tidak lama, boleh YBhg. Dato' memberikan sedikit panduan buat warga ILKAP mengenai penambahbaikan yang boleh dilakukan bagi meningkatkan mutu penyediaan program latihan di ILKAP?

Warga ILKAP sedia ada mempunyai budaya kerja yang baik dan dalam kalangan pegawai dan kakitangan mempunyai *esprit de corps* yang tinggi. Mungkin penambahbaikan bagi meningkatkan mutu penyediaan program latihan kepada pegawai kehakiman dan perundangan boleh dilaksanakan dengan menggalakkan atau memupuk lagi budaya membaca supaya pegawai ILKAP sendiri boleh memberikan ceramah dan latihan kepada pegawai kehakiman dan perundangan yang lain.

# Insight

ILKAP E-News Letter

INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN

JULY  
-  
DIS  
2020



Bagi pihak Sidang Redaksi Insight ILKAP Bil. 2/2020 dan bagi pihak ILKAP secara keseluruhannya, kami mengucapkan jutaan terima kasih atas kesudian YBhg. Dato' menerima jemputan kami untuk ditemu bual. Semoga hubungan baik antara YBhg. Dato' dan ILKAP berkekalan, insyaAllah.

Assalamualaikum wbt.



Ditemu bual oleh:

**Puan Faradziah binti Kasah dan Puan Ainnan binti Mohd Rasid**

## DISCLAIMER

The information contained in this website is for general information purposes only. While we endeavour to keep the information up to date and correct, we make no representations or warranties of any kind, express or implied, about the completeness, accuracy, reliability, suitability or availability with respect to the website or the information contained on the website for any purpose. Any opinion expressed is the personal opinion of the contributors. Nothing on this website constitutes, or is meant to constitute advice of any kind. Any reliance you place on such information is therefore strictly at your own risk. In no event will we be liable for any loss or damage including without limitation, indirect or consequential loss or damage, or any loss or damage whatsoever arising from loss of data or profits arising out of, or in connection with, the use, reference to, or reliance of this website. The information is correct as at .....



## MASALAH KESIHATAN MENTAL DALAM PERKHIDMATAN AWAM – SIRI 3

Disediakan oleh: Mazlan bin Yahya  
Diolah oleh: Ainnan binti Mohd Rasid

[Artikel ini merupakan sambungan kepada Siri 2 yang diterbitkan dalam ILKAP E-Newsletter (INSIGHT) Bil. 1/2020 dan merupakan siri akhir Artikel ini]

### Cadangan Penyelesaian

Masalah kesihatan mental adalah antara masalah yang perlu ditangani dengan berhati-hati agar semua pihak yang terkesan dapat mencari jalan penyelesaian tanpa perlu terus menghadapi tekanan yang berat dalam organisasi.

Sehubungan dengan itu, terdapat beberapa syor yang wajar dipertimbangkan oleh Kerajaan dan yang boleh diperaktikkan dalam menangani masalah ini, iaitu—

#### (a) Memupuk Sokongan Sosial dalam Perkhidmatan Awam

Pengurusan tertinggi dalam perkhidmatan awam wajar mewujudkan keselesaan dalam aspek pekerjaan dan tempat kerja serta berkeupayaan mengesan masalah atau tekanan kerja yang mungkin atau sedang dihadapi oleh mana-mana pekhidmat awam di bawah pimpinannya.

Berdasarkan pemerhatian, pekhidmat awam yang didapati menghadapi masalah kesihatan mental ini perlulah diberikan sokongan yang dalam pelbagai bentuk sama ada sokongan daripada

pengurusan tertinggi, pegawai kanan, rakan sekerja, kakitangan sokongan dan sebagainya. Sokongan sosial ini adalah signifikan sebagai salah satu pendekatan pencegahan masalah kesihatan mental yang dialami oleh seseorang pekhidmat awam.<sup>1</sup>

#### (b) Mengukuhkan Peranan dan Fungsi Kepimpinan

Bagi kebanyakan negara maju, peranan dan fungsi kepimpinan dalam sesebuah organisasi adalah amat penting kerana pemimpinlah yang ditugaskan untuk memimpin organisasinya dalam memacu kejayaan. Dalam konteks pekhidmat awam, pegawai kanan dan pengurusan tertinggi Kerajaan memainkan peranan dalam memupuk kepercayaan pekhidmat awam serta masyarakat terhadap perkhidmatan awam di Malaysia.

Pengukuhan barisan pemimpin berkaliber yang bukan sahaja berkebolehan dalam memimpin sesebuah organisasi untuk maju dan cemerlang, tetapi juga memenuhi syarat dan ciri kepimpinan positif seperti beretika, berintegriti dan

<sup>1</sup>. Sapora Sipon, Pengurusan Stres, [https://www.academia.edu/3142974/Pengurusan\\_Stress](https://www.academia.edu/3142974/Pengurusan_Stress), 11 Oktober 2019



mempunyai empati yang boleh diikuti oleh warga organisasinya dapat memastikan pelaksanaan tugas dilakukan dengan sewajarnya tanpa mengabaikan para pekerja yang menyumbangkan input, tenaga, masa dan idea kepada organisasi.

Seorang pemimpin itu hendaklah mempunyai daya kepimpinan yang progresif dalam organisasinya disamping mempunyai perwatakan dan daya kepimpinan yang penuh intelektual. Pemimpin sesuatu organisasi perlulah mempunyai keupayaan untuk fokus dalam mencari jalan penyelesaian terbaik bagi sebarang masalah yang dihadapi oleh organisasinya dan setiap keputusan yang dibuat hendaklah sentiasa mengambil kira anggota dalam organisasinya. Ini akan memberikan impak positif secara amnya dan akan banyak membantu mengelakkan dan menyelesaikan masalah kesihatan mental dalam kalangan pekhidmat awam.

Selain itu, pegawai kanan dan pengurusan tertinggi perlulah sentiasa bersedia menjadi contoh yang baik untuk diikuti oleh pekhidmat awam secara keseluruhannya selain mewujudkan budaya kepimpinan yang dapat membina kekuatan dan ketahanan diri serta kecerdasan emosi yang seterusnya dapat memupuk komitmen tinggi dalam perkhidmatan awam.<sup>2</sup>

Dengan menguatkan fungsi kepimpinan, setiap permasalahan yang dikemukakan mampu diselesaikan dengan baik, berhemah dan bijaksana. Pemimpin berkaliber perlulah rasional dalam melaksanakan tindakan dan membuat keputusan dengan mengambil kira pandangan semua keadaan dan pandangan ahli dalam organisasinya. Kegagalan pegawai kanan mahupun pengurusan tertinggi memberikan justifikasi atau penjelasan bagi setiap keputusan atau tindakan boleh menyebabkan ahli dalam organisasinya hilang kepercayaan terhadap ketulusan dan kepimpinannya. Ini boleh menyebabkan suasana keceluaran mental di kalangan ahlinya serta mewujudkan keadaan huru-hara dalam organisasi yang dipimpinnya.<sup>3</sup>

- 
2. Rosli Ahmad dan Rogis Baker, Artikel "Kecerdasan Emosi dan Komitment Kerja : Kajian dalam kalangan Pekerja Sektor Awam Beruniform". Jurnal Psikologi & Kauseling Perkhidmatan Awam Malaysia. Jun 2012 Bil. 7, m.s. 195
3. *Ibid*, Sapora Sipon



Kesemua ini seterusnya akan membawa hasil terbaik di kalangan orang yang dipimpin dan penyelesaian yang diberikan akan dapat diterima dan dilaksanakan dengan hati yang terbuka. Malahan, pada suatu tahap, kesemua ahli organisasinya akan berpuas hati dengan suasana kerja dan peningkatan nilai moral di kalangan warga kerja dalam organisasi tersebut.<sup>4</sup>

#### (c) Meningkatkan Kebijaksanaan dalam Meletakkan Keutamaan

Seseorang pekhidmat awam dalam sesebuah organisasi perlu meningkatkan kebijaksanaan untuk menentukan dan mengatur keutamaan tugas yang dipertanggungjawabkan dan diamanahkan kepadanya. Antara kaedah yang boleh diamalkan adalah penyediaan carta perbatuan yang terperinci dan berdaya maju, pembahagian tugas yang adil dan relevan, penetapan tarikh-tarikh penting penyiapan sesuatu tugas dan sebagainya. Dalam hal ini, pemimpin di sesebuah organisasi perlu memainkan peranan untuk memastikan pematuhan kaedah-kaedah yang diamalkan tersebut oleh setiap ahli dalam organisasinya

supaya dapat menghindarkan ahli dalam organisasinya daripada tersasar dalam pelaksanaan tugas masing-masing.

#### (d) Mempraktikkan Amalan Kesihatan yang Baik

Memandangkan antara punca masalah kesihatan mental adalah cara hidup yang tidak sihat, pendekatan amalan kesihatan yang baik oleh pekhidmat awam sendiri seperti mengamalkan diet yang sihat dan berkesan, mendapatkan rehat yang mencukupi dan melakukan aktiviti riadah yang boleh meningkatkan serotonin dalam tubuh badan akan dapat mengurangkan kesan negatif yang menjurus kepada masalah kesihatan mental.

#### (e) Melaksanakan Aplikasi Psikologi

Panduan mengenai aplikasi psikologi dalam perkhidmatan awam digariskan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 18 Tahun 2005 yang berkuat kuasa mulai 26 Ogos 2005 dan antara lainnya ia menekankan aspek yang berikut:



4. Abu Yazid Abu Bakar dan Noriah Mohd Ishak, Artikel "Kepuasan Kerja dan Morale Warga Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) : Implikasi terhadap Pelaksanaan kaunseling Organisasi", Jurnal Psikologi & Kauseling Perkhidmatan Awam Malaysia. Jun 2012 Bil. 7, ms 295



- (i) pembangunan yang melibatkan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan program psikologi yang dapat mempertingkatkan potensi serta prestasi pekhidmat awam selaras dengan objektif individu dan organisasi pegawai tersebut;
- (ii) pencegahan yang menggunakan pendekatan psikologi yang bersesuaian untuk memastikan perkhidmatan awam dianggotai oleh pegawai yang berkualiti melalui proses pemilihan, penempatan, pengurusan prestasi dan pembangunan kompetensi; dan
- (iii) pemulihan yang memberikan dan menyediakan program psikologi untuk pekhidmat awam membuat perubahan dan mempertingkatkan keupayaannya dalam mengurus emosi, tingkah laku dan pemikiran.

## Kesimpulan

Perspektif dan idea baharu dalam menyelesaikan masalah kesihatan mental dalam kalangan perkhidmat awam dengan lebih baik dan berkesan perlu sentiasa dipupuk dan dilaksanakan agar perkhidmatan pencegahan dan perawatan yang diberikan oleh Pegawai Psikologi dan Penolong Pegawai Psikologi dapat mencapai matlamat dengan pantas dan kekal efektif bagi jangka masa yang panjang. Ia juga akan memberikan nilai tambah kepada perkhidmatan awam.



JUL  
-  
DIS  
2020



## AKTIVITI ILKAP – JULAI 2020

17 Julai 2020

Mesyuarat Agung Kelab Sukan dan Kebajikan ILKAP Kali Ke-14





## PERKAHWINAN KANAK-KANAK ATAU PERKAHWINAN BAWAH UMUR: TINJAUAN RINGKAS DARI ASPEK PERUNDANGAN DI MALAYSIA

Disediakan oleh: Haslamizan bin Maliki

Diolah oleh: Ainnan binti Mohd Rasid

### Pengenalan

Apakah yang dimaksudkan dengan perkahwinan kanak-kanak atau perkahwinan bawah umur?

*United Nation Children's Fund (UNICEF)* mentakrifkannya sebagai 'a formal marriage or informal union before eighteen years old'. Takrifan yang diberikan oleh *Inter-African Committee (IAC)* pada tahun 1993 pula adalah 'any marriage carried out below the age of 18 years, before the girl is physically, physiologically and psychologically ready to shoulder the responsibilities of marriage'. Berdasarkan definisi ini, dapat dikatakan bahawa maksud perkahwinan bawah umur adalah perkahwinan yang melibatkan pihak di bawah umur lapan belas tahun.

Perkahwinan yang melibatkan kanak-kanak sebenarnya bukanlah suatu perkara baharu di Malaysia. Namun, berikutan dengan perkembangan penyebaran maklumat melalui media sosial, isu ini telah menggemparkan negara kita pada tahun 2018 apabila seorang kanak-kanak perempuan berusia sebelas tahun yang merupakan rakyat Thailand dilaporkan berkahwin dengan seorang lelaki berusia empat puluh satu tahun di Gua Musang,

Kelantan atas faktor kemiskinan keluarga. Pendedahan ini menimbulkan pelbagai polemik dalam kalangan masyarakat. Banyak aspek pro dan kontra diperdebatkan pada masa itu.

Bagi pihak yang menyokong perkahwinan bawah umur, khususnya dalam kalangan orang Islam, mereka sering merujuk kepada perkahwinan Rasulullah SAW dengan Ummu al-Mukminin Aisyah binti Abu Bakar al-Siddiq RA yang dikatakan berumur enam atau tujuh tahun<sup>5</sup> sebagai justifikasi. Walau apa pun justifikasi yang diberikan, pada zaman ini tidak dapat dinafikan bahawa terdapat banyak kesan negatif yang berlaku akibat perkahwinan bawah umur sebegini. Perkahwinan ini akan mendatangkan kesukaran kepada kanak-kanak untuk meneruskan pendidikan dan seterusnya memperolehi peluang pekerjaan yang baik pada masa depan. Kanak-kanak yang memasuki alam perkahwinan secara statistiknya telah dibuktikan akan mengalami masalah untuk meneruskan pendidikan mereka atas faktor keterikatan kepada keluarga, lebih-lebih lagi jika mereka mengandung dan melahirkan anak pada usia yang muda.

<sup>5</sup>. <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-al-hadit/1455-irsyad-al-hadith-siri-ke-127-umur-aisyah-ra>



Kanak-kanak perempuan yang berkahwin ini juga terdedah kepada pelbagai komplikasi kesihatan akibat kehamilan di awal usia. Berdasarkan rekod *World Health Organization* (WHO), komplikasi semasa kehamilan merupakan faktor kedua terbanyak kepada kematian remaja (*adolescent / teens*)<sup>6</sup> perempuan, iaitu antara umur 15 hingga 19 tahun di peringkat global. Perkahwinan bawah umur ini juga menjadi faktor seseorang kanak-kanak terdedah kepada penderaan fizikal dan seksual. Semua kesan negatif ini harus diambil perhatian yang serius demi kesejahteraan dan kebaikan kanak-kanak itu sendiri.

## Definisi “Kanak-kanak” menurut undang-undang

Siapakah yang dimaksudkan sebagai “kanak-kanak” menurut peruntukan undang-undang di Malaysia?

Secara amnya di Malaysia, menurut subseksyen 2(1) Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611] “kanak-kanak” ditakrifkan sebagai seseorang yang berumur di bawah lapan belas tahun.

Definisi ini juga selaras dengan *Convention on the Rights of the Child* (CRC) yang diratifikasi oleh Malaysia dengan beberapa pengecualian (*reservations*).

Artikel 1 CRC menyatakan ‘*for the purposes of the present Convention, a child means every human being below the age of eighteen years unless under the law*

*applicable to the child, majority is attained earlier*’.

Berdasarkan peruntukan undang-undang ini, nyatanya di Malaysia seseorang yang umurnya di bawah lapan belas tahun adalah seorang “kanak-kanak” atau dengan kata lain, masih di bawah umur menurut undang-undang.

Walau bagaimanapun, kekeliruan timbul dengan beberapa istilah lain yang lazim dalam masyarakat kita seperti remaja, akil baligh dan seumpamanya. Terdapat pelbagai definisi bagi “akil baligh” itu sendiri dan antaranya ialah—

- sudah berakal dan cukup umur (biasanya 12-15 tahun bagi lelaki dan 9-12 tahun bagi perempuan) dan sudah wajib menuaikan perintah Allah<sup>7</sup>; dan
- satu peringkat dalam hidup anda di mana tubuh badan anda berubah dari seorang kanak-kanak ke seorang dewasa. Perubahan-perubahan ini termasuklah ciri-ciri seks ‘primer’ dan ‘sekunder’. Ia disebabkan bahan kimia di dalam badan yang dipanggil hormon.<sup>8</sup>

<sup>6</sup>. WHO mendefinisikan “Adolescents” sebagai individu berusia antara 10-19 tahun, “Youth” ialah individu berusia antara 15-24 tahun dan “Young People” pula meliputi individu berusia antara 10-24 tahun – <https://www.who.int/southeastasia/health-topics/adolescent-health#:~:text=WHO%20defines%20'Adolescents'%20as%20individuals,age%20range%2010%2D24%20years>

<sup>7</sup>. <http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=akil+baligh>

<sup>8</sup>. <http://www.myhealth.gov.my/akil-baligh/>



Dalam konteks hukum-hakam Islam, seseorang yang telah mencapai akil baligh dianggap telah mampu menerima tanggungjawab ibadah seperti solat, puasa dan seumpamanya. Banyak amal ibadah dalam Islam menetapkan akil baligh dan kesempurnaan akal sebagai salah satu syarat yang menentukan sah atau tidak sesuatu ibadah itu termasuklah pernikahan. Timbul perbezaan kerana konsep akil baligh memainkan peranan penting dalam *fiqh* dan perundangan Islam. Para ulama pula berselisih pendapat dalam menentukan umur baligh seseorang individu. Lanjutnya itu, timbul perbezaan dalam menentukan keseragaman umur yang sesuai untuk berkahwin bagi seseorang individu.<sup>9</sup>

## Perkahwinan kanak-kanak menurut undang-undang keluarga Islam di Malaysia

Semua undang-undang keluarga Islam di Malaysia memperuntukkan umur minimum untuk berkahwin bagi lelaki adalah lapan belas tahun dan enam belas tahun untuk perempuan. Namun begitu, perkahwinan bawah umur masih boleh dijalankan sekiranya mendapat kebenaran Hakim Syarie dalam keadaan tertentu dan kebenaran bergantung kepada fakta, keadaan dan keperluan dalam setiap permohonan.

Sebagai contoh, seksyen 8 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303] memperuntukkan bahawa ‘tiada suatu perkahwinan boleh diakadnikahkan di

bawah Akta ini jika lelaki itu berumur kurang daripada lapan belas tahun atau perempuan itu berumur kurang daripada enam belas tahun kecuali jika Hakim Syarie telah memberi kebenaran secara bertulis dalam hal keadaan tertentu’.

Berdasarkan peruntukan ini, jelas bahawa perkahwinan kanak-kanak di Malaysia bagi orang Islam adalah dibolehkan dalam keadaan tertentu setelah mendapat kebenaran bertulis oleh Hakim Syarie.

Apakah yang termasuk dalam keadaan tertentu itu?

Antara alasan perkahwinan yang melibatkan pasangan atau salah seorang daripada pasangan ialah seseorang di bawah umur adalah:

- pemohon tidak berminat untuk meneruskan persekolahan dan mahu terus berkahwin atas dasar suka sama suka;
- pemohon tidak mahu berkawan dengan pasangan terlalu lama hingga menyebabkan berlakunya maksiat;
- pemohon mempunyai pasangan yang berkemampuan untuk menjaganya;
- pemohon telah terlanjur atau mengandung;
- masalah keluarga;
- tekanan ekonomi; dan
- pergaulan bebas yang sukar dikawal.

<sup>9</sup> Penetapan umur baligh telah banyak dibincangkan oleh para fuqaha' dan tidak termasuk dalam skop artikel ini.



Menurut statistik daripada Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, sebanyak 5,362 permohonan kebenaran nikah bawah umur kanak-kanak beragama Islam direkodkan di seluruh negara sejak Januari 2013 hingga Disember 2017.<sup>10</sup> Seperti yang diketahui umum, terdapat gesaan daripada pelbagai pihak terutamanya badan bukan kerajaan (*non-governmental organisation*) (NGO) untuk mengharamkan terus perkahwinan bawah umur dalam kalangan orang Islam. Tetapi, cadangan ini memerlukan banyak penelitian lebih-lebih lagi kerana ia melibatkan isu agama yang perlu dikaji dengan mendalam oleh pihak Kerajaan yang berkaitan.

Perkara yang boleh dipertimbangkan oleh Kerajaan adalah menambah baik prosedur permohonan perkahwinan bawah umur sedia ada. Had umur minimum perkahwinan orang Islam sedia ada dan kuasa Hakim Syarie membenarkan perkahwinan bawah umur dikekalkan dengan prosedurnya diperketatkan.

Antara faktor yang perlu dipertimbang dan diperhalusi oleh pihak Kerajaan dan Hakim Syarie apabila meneliti setiap permohonan perkahwinan bawah umur adalah:

- perkahwinan bawah umur tersebut adalah atas kerelaan kedua-dua pasangan;
- perkahwinan bawah umur tersebut mendapat persetujuan ibu bapa/penjaga pasangan yang di bawah umur;
- latar belakang pemohon;
- kemaslahatan pemohon daripada

pelbagai aspek termasuklah keperluan hidup, kemiskinan dan lain-lain;

- keperluan dan kesihatan seksualiti atau sistem reproduktif pemohon;
- kefahaman tehadap makna dan tanggungjawab dalam perkahwinan; dan
- pasangan adalah sekufu (setaraf dalam pelbagai aspek).

## Perkahwinan kanak-kanak orang bukan Islam di Malaysia

Akta yang berkaitan adalah Akta Membaharui Undang - Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164]. Seksyen 10 Akta ini memperuntukkan bahawa '*Mana-mana perkahwinan yang berupa sebagai diupacarakan di Malaysia adalah tidak sah jika pada tarikh perkahwinan itu salah satu daripada pihak-pihak berumur di bawah lapan belas tahun melainkan jika, bagi seseorang perempuan yang telah genap umur enam belas tahun, pengupacaraan perkahwinan itu telah dibenarkan oleh suatu lesen yang diberi oleh Ketua Menteri di bawah subseksyen 21(2).*' Dalam versi bahasa Inggeris, sekyen 10 Akta 164 memperuntukkan, '*Any marriage purported to be solemnized in Malaysia shall be void if at the date of the marriage either party is under the age of eighteen years unless, for a female who has completed her sixteenth year, the solemnization of such marriage was authorized by a licence granted by the Chief Minister under subsection 21(2).*'

<sup>10</sup> <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/07/451272/5362-permohonan-nikah-bawah-umur-dalam-5-tahun>



Subseksyen 21(2) Akta 164 menyatakan, ‘Ketua Menteri boleh, menurut budi bicaranya, memberikan suatu lesen di bawah seksyen ini membenarkan pengupacaraan sesuatu perkahwinan walaupun pihak perempuan kepada perkahwinan itu berumur di bawah lapan belas tahun, tetapi dalam apa-apa hal pun tidak boleh memberikan lesen itu sebelum perempuan itu berumur genap enam belas tahun’. Dalam versi bahasa Inggeris pula, ‘The Chief Minister may in his discretion grant a licence under this section authorizing the solemnization of a marriage although the female party to the marriage is under the age of eighteen years, but not in any case before her completion of sixteen years’.

Adakah terdapat perbezaan antara perkahwinan bawah umur bagi orang Islam berbanding dengan orang bukan Islam?

Perbezaan yang paling utama adalah umur minimum untuk berkahwin bagi lelaki dan perempuan bukan Islam di bawah Akta 164 adalah lapan belas tahun, ini berbeza dengan had minimum umur berkahwin perempuan Islam, iaitu enam belas tahun. Perbezaan lain adalah dari segi prosedur jika perkahwinan bawah umur ingin dilangsungkan bagi individu di bawah umur yang bukan Islam, lesen kebenaran hendaklah diperolehi daripada Ketua Menteri di bawah subseksyen 21(2) Akta 164. Selain itu, pasangan yang berumur bawah dua puluh satu tahun yang ingin

berkahwin perlu mendapatkan persetujuan bertulis daripada ibu bapa. Akta 164 juga mengandungi peruntukan mengenai perkahwinan secara adat.

## Polisi Kerajaan yang terkini berkaitan perkahwinan bawah umur

Pelan Strategi Kebangsaan bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur<sup>11</sup> (“Pelan”) dilancarkan pada 16 Januari 2020 untuk menangani punca perkahwinan bawah umur di peringkat akar umbi. Punca ini akan ditangani melalui perubahan dasar, penambahbaikan perundungan dan pelaksanaan program serta aktiviti kesedaran. Pelan ini mengandungi pelbagai program yang akan dilaksanakan oleh agensi Kerajaan Persekutuan dan agensi Kerajaan Negeri dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran dan mengubah persepsi dan stigma yang dikaitkan dengan isu perkahwinan bawah umur dalam kalangan masyarakat. Program yang dirancang melibatkan sokongan ekonomi, kepentingan pendidikan, pengukuhan institusi keluarga, kesedaran pendidikan kesihatan seksual reproduktif, perubahan perundungan dan pengumpulan data bagi memastikan objektif Pelan ini tercapai.<sup>12</sup>

<sup>11</sup>. <https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Dokumen/Pelan%20Strategi%20Perkahwinan%20Bawah%20Umur/BUKU%20PELAN.pdf>

<sup>12</sup>. Ibid

# Insight

ILKAP E-News Letter

INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN

JULY  
-  
DIS  
2020



## RINGKASAN PELAN



Pelan ini akan dipantau keberkesanannya melalui penubuhan Jawatankuasa Pemandu Pelan Strategi Kebangsaan bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur di Malaysia yang mana keahliannya akan dipilih daripada pihak berkepentingan sesuai mengikut peranan masing-masing.

Antara perundangan yang akan dikaji bagi memastikan keselarasannya dengan dasar Kerajaan untuk memastikan perkembangan, kebajikan dan kesejahteraan kanak-kanak terjamin adalah—

- undang-undang keluarga Islam;
- undang-undang adat<sup>13</sup>;
- Akta Orang Asli 1954 [Akta 134]; dan
- Enakmen Mahkamah Anak Negeri 1992 (Kaedah-Kaedah Mahkamah Anak Negeri (Undang-Undang Adat Anak Negeri) 1995.

Diharapkan supaya Pelan ini diteruskan oleh Kerajaan semasa sehingga mencapai objektifnya dalam tempoh masa yang dirancang. Rakyat perlu lebih memahami bahawa pengharaman terus perkahwinan bawah umur di Malaysia sama ada yang melibatkan orang Islam atau bukan Islam bukanlah sesuatu yang mudah dan perlu mengambil kira pelbagai faktor seperti agama, adat dan sosiobudaya pelbagai kaum di Malaysia.

Perkara utama yang perlu dititikberatkan adalah kemaslahatan dan kebajikan kanak-kanak itu sendiri bagi memastikan setiap daripada mereka mendapat peluang yang sewajarnya untuk meningkatkan potensi diri dan mencapai kejayaan dalam kehidupan, tanpa menafikan kepentingan institusi perkahwinan yang sejahtera apabila tiba waktu yang sesuai.



<sup>13</sup>. Contohnya: Native Customs (Declaration) Ordinance 1996, Majlis Adat Istiadat Ordinance 1997, Native Courts Ordinance 1992, Adat Iban 1993, Adat Bidayuh 1994, Adat Kayan-Kenyah 1994, Adat Bisaya 2004, Adat Lun Bawang 2004, Adat Kelabit 2008 dan Adat Penan 2011



## Kesimpulan

Jika perkahwinan bawah umur diharamkan secara terus dan pengharamannya diputuskan dengan tergesa-gesa, ia mungkin mendatangkan pelanggaran kepada warna kehidupan masyarakat di Negara ini dan mungkin menafikan hak dan pilihan setiap individu untuk berkahwin, tidak kiralah sama ada ia berdasarkan keinginan hati semata-mata atau melibatkan pelbagai faktor yang lain. Pendekatan drastik sebegini juga sebenarnya akan merumitkan lagi keadaan kerana ia akan menimbulkan konflik dari segi agama, adat dan budaya rakyat Malaysia yang rencam dengan kepelbagaianya.

Perundangan sedia ada dalam hal ini sama ada bagi orang Islam mahupun orang bukan Islam di Malaysia pada asasnya telah memadai dengan had umur minimum yang ditetapkan untuk berkahwin ditambah

lagi dengan keperluan mendapatkan kebenaran Hakim Syarie atau Ketua Menteri bagi perkahwinan bawah umur. Bagi mendapatkan imbangan terbaik dalam isu ini, Kerajaan perlu menanganinya secara berhemah dengan menambah baik perundangan sedia ada dan memperkuuh prosedur serta mengetatkan syarat permohonan perkahwinan bawah umur. Langkah ini bagi memastikan hanya dalam keadaan yang sangat memerlukan sahaja dengan mengambil kira aspek kepentingan kanak-kanak itu sendiri melebihi kepentingan yang lain, permohonan perkahwinan bawah umur boleh diluluskan.

Melalui usaha menyeluruh dengan kerjasama daripada pelbagai pihak di peringkat Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, NGO dan rakyat Malaysia sendiri, isu perkahwinan bawah umur diharap dapat ditangani dengan baik dan rasional tanpa dipengaruhi oleh emosi mahupun perasaan prejudis terhadap pelbagai pihak yang terlibat dalam isu ini.



JUL  
-  
DIS  
2020



## AKTIVITI ILKAP – OGOS 2020

6 Ogos 2020

Sesi Penyerahan Nota Serah Tugas YBhg. Dato' Ketua Pengarah ILKAP



JUL  
-  
DIS  
2020



## AKTIVITI ILKAP – OGOS 2020

Ogos 2020

**Norma Baharu – Pelaksanaan Program Latihan di ILKAP bermula Ogos 2020**



JUL  
-  
DIS  
2020



## AKTIVITI ILKAP – OGOS 2020

28 Ogos 2020  
Bicara Inovasi ILKAP Bil. 2/2020





## AKTIVITI ILKAP – OGOS 2020

28 Ogos 2020

Program Pelepasan Konvoi Skuad Mylaw dan Kibar Jalur Gemilang




JUL  
-  
DIS  
2020



## AKTIVITI ILKAP – OGOS 2020

28 Ogos 2020

Majlis Kibarkan Jalur Gemilang Peringkat ILKAP Tahun 2020





## SUBMISSION IN A MURDER CASE UNDER SECTION 302 OF THE PENAL CODE

Submission by: Hajah Zalina binti Haji Awang @ Mamat  
Summarised and translated by: Ainnan binti Mohd Rasid

### Background of the Case

On 12 January 2006, a police report was made about a murder of a Chinese woman ("Madam T") in Perak. Upon receiving the said report, a police team went to investigate at a house with four bedrooms where Madam T's body was found lying in the dining room floor next to the kitchen. It was apparent that Madam T had hack / slash wounds on her face, back and at the back of both hands.

Several fingerprints were obtained around the place, one of which was the fingerprint of the accused who was Madam T's 13-year-old grandson ("Boy A").

According to the forensic report, cause of death of Madam T was due to excessive bleeding resulting from the hack / slash wounds up to 12 centimetres ("cm") in length and 5 cm in depth scattered all over the arms, face and neck of Madam T.

### Evidence

Among the important evidence given by the prosecution's witnesses are:

#### PW1 The police officer receiving the First Information Report

- Upon receiving the First Information Report of the murder, PW1 had gone to the crime scene with PW18 and other police officers. There, he had been tasked to collect all the fingerprints in the crime scene area. Nine (9) different fingerprints were obtained.
- The fingerprint on C7 lifting card was found to be the same as the fingerprint on the middle finger of Boy A which was later confirmed by the fingerprint examiner, PW15.

#### PW3 One of Madam T's children

- Before the murder took place, on 27 December 2005, Madam T had informed PW3 that her money had gone missing and that she suspected Boy A of stealing it.
- On the day of the murder, PW3's father came at 9.40pm to PW3's house and told PW3 that Madam T had been murdered.
- Thereafter, PW3 and PW4 went to Madam T's house and saw Boy A holding the phone receiver. They asked Boy A to open the door and upon entering the house, saw Madam T lying on the floor with multiple wounds.

# Insight

ILKAP E-News Letter  
INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN

JULY  
-  
DIS  
2020



**PW8** One of the police officers involved in the investigation

- During the conduct of his investigation, Boy A had informed PW8 of the whereabouts of the valuables owned by Madam T. Boy A led PW8 and his team to an empty house where he had hidden and stashed the valuables.
- This discovery was in line with the provisions of Section 27 of the Evidence Act 1950 [Act 56].

**PW9** Madam T's brother-in-law and neighbour

- PW9 lives in the house adjacent to Madam T's house (approximately 3 feet next to it). At around 9.35pm, PW9 heard Madam T's screaming in pain and immediately ran towards Madam T's gate to check on her.
- But, when PW9 was at the gate he saw Madam T's body on the floor and bloodied with wounds on her hands and face. Boy A who was at the scene harshly told PW9 to go back to his house.

**PW18** The Investigating Officer

- PW18 found Boy A at Madam T's house looking gloomy and remnants of blood were seen on both the soles of his foot. PW18 told his team to arrest Boy A for further investigation.

**PW21** Pathologist

- The most fatal injuries which in itself could cause the death of Madam T were the wounds caused by multiple slash / hack wounds. The impact was so hard that some of the bones were untraceable.
- Aside from those, the wounds on Madam T's neck, one ranging at 12 cm in length and 5 cm in depth cutting the back of her neck bone were severe enough to also be the cause of her death.
- The wounds on Madam T's body were severe and many had been found on the vital parts of the body that were sufficient in the ordinary course of nature to cause death.



## Legal Issues

Among the legal issues raised in this case were:

### Information leading to discovery

Whether the information and direction given by Boy A to PW8 regarding the hidden stolen valuables owned by Madam T gave any weight to the prosecution's case?

Section 27 of Act 56 states:

**How much of information received from accused may be proved**  
**27** (1) When any fact is deposed to as discovered in consequence of information received from a person accused of any offence in the custody of a police officer, so much of that information, whether the information amounts to a confession or not, as relates distinctly to the fact thereby discovered may be proved.

In the case of **AMATHEVELLI R RAMASAMY v. PP [2008] 4 CLJ 413 (CA)**, it was held that for information leading to discovery of a fact or thing to be admissible under section 27 of the Act, there is no duty on the prosecution to establish the voluntariness of the information. In the present case, although a trial within a trial was conducted by the judge (which, in fact, was unnecessary), it appeared from the record that it was conducted not for the purpose of establishing the voluntariness of the information but for the determination of whether the ingredients of section 27 of

the Act had been fulfilled. In this instance, the judge was correct in finding that all the ingredients of section 27 of the Act had been fulfilled. Clearly, the accused gave information while she was in custody to SP12, who reduced it into writing. The trial judge accepted the evidence of SP12 and, in fact, P51 lent credence to SP12's oral evidence. This evidence was relevant as it directly connected the accused to the gold chain recovered from the locked cupboard at her house. Accordingly, there was no error on the judge's part in admitting P51 as evidence against the accused.

Therefore, in this instant case, Boy A's information and direction leading to the discovery of Madam T's valuables hidden by he himself bears weight in proving the motive and intention of Boy A murdering Madam T.

### Conduct of the accused

Boy A's conduct of harshly telling PW9 to return to his own house when he saw PW9 at the gate after the crime was committed and the state of being gloomy with blood on his soles when he was found by the arresting police officer were in fact in line with the provisions of section 8 Act of 56 which states—

### **Motive, preparation and previous or subsequent conduct**

**8. (1) Any fact is relevant which shows or constitutes a motive or preparation for any fact in issue or relevant fact.**



(2) The conduct of any party, or of any agent to any party, to any suit or proceeding in reference to that suit or proceeding, or in reference to any fact in issue therein or relevant thereto, and the conduct of any person an offence against whom is the subject of any proceeding, is relevant if the conduct influences or is influenced by any fact in issue or relevant fact, and whether it was previous or subsequent thereto.

## ILLUSTRATIONS

...  
(i) A is accused of a crime.

[The facts that after the commission of the alleged crime he absconded, or was in possession of property or the proceeds of property acquired by the crime, or attempted to conceal things which were or might have been used in committing it are relevant.]

## Proving Elements of the Crime: Murder under section 302 of the Penal Code

Sections 300 and 302 of the Penal Code provide—

### Murder

**300.** Except in the cases hereinafter excepted, culpable homicide is murder—

(a) if the act by which the death is caused is done with the intention of causing death;

(b) if it is done with the intention of causing such bodily injury as the offender knows to be likely to cause the death of the person to whom the harm is caused;

(c) if it is done with the intention of causing bodily injury to any person, and the bodily injury intended to be inflicted is sufficient in the ordinary course of nature to cause death; or

(d) if the person committing the act knows that it is so imminently dangerous that it must in all probability cause death, or such bodily injury as is likely to cause death, and commits such act without any excuse for incurring the risk of causing death, or such injury as aforesaid.

### Punishment for murder

**302.** Whoever commits murder shall be punished with death.



# Insight

ILKAP E-News Letter

INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN

JULY  
-  
DIS  
2020



In order for the prosecution to prove the murder charge against Boy A, several elements have to be proven. These elements are as follows:

1. That the victim is dead;
2. That the death of the victim is the result of the injuries suffered;
3. That the death of the victim is caused by the accused's action; and
4. That by the accused's act, he intended for the act to cause the death of the victim or he knew that the act would cause the death of the victim.

The prosecution submitted as follows:

- For the 1<sup>st</sup> element, that it has been proven by the statements of PW3, PW4, PW7 – PW12, PW15 and PW18. Secondary evidence i.e. the post-mortem report (Exhibit P51) has also proven and supported the witnesses' statements.
- For the 2<sup>nd</sup> element, that the overall conclusion of the autopsy in Exhibit P51 found that the deceased had died as a result of excessive bleeding caused by the hack / slash wounds made by Boy A using a knife (Exhibit P26B) on the vital parts of Madam T's body.
- For the 3<sup>rd</sup> element, that it is proven by all the evidences especially the statements given by PW9, PW3 and PW4.

► For the 4<sup>th</sup> element, the prosecution submitted further as follow:

- That intention is not a physical thing that can be seen with our senses. Therefore, to make a decision on the intention of the accused, the Court must draw conclusions or inferences from the actions and behaviour of Boy A and from all surrounding circumstances.
- That Boy A has the intention to cause Madam T's death and thus falling under the provision of paragraph 300(c) of the Penal Code. This is based on the way Boy A hacked / slashed into the "vital parts" of Madam T's body which resulted in her excessive bleeding. Exhibit P51 supported the prosecution's submission.
- The prosecution referred the case of **MOH CHUAN PIN v. PP [2009] 5 CLJ 426 (CA)** where it was held that—

*"It was undisputed that the entire case for the prosecution rested on circumstantial evidence. There was no one who actually saw the accused stab the deceased at the shop. However, the judge had, on the facts, detailed the evidence that he found to have established "the combination of circumstances" which, in its totality, pointed to the single conclusion that the accused was the person who had committed the offence. The arguments regarding the absence of evidence linking the knife to the accused and the lack of*



fingerprint evidence were found to be spurious, likewise with regards to the blood samples. It was in evidence that the accused's conduct of jumping into the river in itself had reduced the possibility of conducting a proper blood analysis on his clothes as well as the evidence of the traces of blood on his own person. This dispelled the contention that a misdirection had transpired allegedly on the ground of non-direction on the standard of proof. The judge had stated that the prosecution had been able to establish a case that was beyond reasonable doubt. Implicit in this statement was that the accused had failed to discharge his own evidential burden of rebutting the prosecution's evidence. There was nothing in his formulation that amounted to misdirection let alone anything prejudicial to the accused.

- Next, in relation to the case of **CHAN KWEE FONG v. PP [2010] 3 CLJ 671 (CA)** which was relied on by the prosecution in relation to paragraph 300(c) of the Penal Code. In that case—

"The accused was charged with murder under s. 300 Penal Code. He was accused of inflicting four stab wounds on his victim, one of which had cut the latter's internal iliac artery which would, in the ordinary course of nature, be sufficient to cause death. The post-mortem revealed that the victim had died from hypovolaemic shock. An eye-witness to the fatal stabbing was SP8' who was the

accused's former partner and who was alleged to have started a relationship with the victim after she and the accused had ended theirs. At the material time of the incident, the accused, the victim, SP8 and the victim's son were all at a coffee shop having a discussion whereupon a fight allegedly broke out between the accused and the victim. The defences of intoxication, provocation and sudden fight were sought to be established for the accused. At the conclusion of his trial, the accused was found guilty, convicted and sentenced to death under s. 302 Penal Code.

### Analysis

[78] Section 300(c) of the Penal Code applies in the instant appeal. It states that the accused intended to cause bodily injury and that "the bodily injury intended to be inflicted is sufficient in the ordinary course of nature to cause death." We would gratefully apply the test laid down by V. Bose J, in *Virsa Singh v. State of Punjab AIR [1958] SC 465*, at p. 467, and there his Lordship said:

*In considering whether the intention was to inflict the injury found to have been inflicted, the enquiry necessarily proceeds on broad lines as, for example, whether there was an intention to strike at a vital or a dangerous spot, and whether with sufficient force to cause the kind of injury found to have been inflicted. It*



is, of course, not necessary to enquire into every last detail as, for instance, whether the prisoner intended to have the bowels fall out, or whether he intended to penetrate the liver or the kidneys or the heart. Otherwise, a man who has no knowledge of anatomy could never be convicted, for, if he does not know that there is a heart or a kidney or bowels, he cannot be said to have intended to injure them. Of course, that is not the kind of enquiry. It is broad-based and simple and based on common sense: the kind of enquiry that 'twelve good men and true' could readily appreciate and understand.

[79] The essential elements necessary to satisfy s. 300(c) of the Penal Code are set out in *Virsa Singh v. State of Punjab (supra)*. There V. Bose J, said at p. 467 of the report:

First, it must establish, quite objectively, that a bodily injury is present;

Secondly, the nature of the injury must be proved. These are purely objective investigations.

Thirdly, it must be proved that there was an intention to inflict that particular bodily injury, that is to say, that it was not accidental or unintentional, or that some other kind of injury was intended.

Once these three elements are proved to be present, the enquiry proceeds further and,

Fourthly, it must be proved that the injury of the type just described made up of the three elements set out above is sufficient to cause death in the ordinary course of nature. This part of the enquiry is purely objective and inferential and has nothing to do with the intention of the offender.

Once these four elements are established by the prosecution (and, of course, the burden is on the prosecution throughout) the offence is murder under s. 300 'thirdly'. It does not matter that there was no intention to cause death. It does not matter that there was no intention even to cause an injury of a kind that is sufficient to cause death in the ordinary course of nature (not that there is any real distinction between the two). It does not even matter that there is no knowledge that an act of that kind will be likely to cause death. Once the intention to cause the bodily injury actually found to be present is proved, the rest of the enquiry is purely objective and the only question is whether, as a matter of purely objective inference, the injury is sufficient in the ordinary course of nature to cause death. No one has a licence to run around inflicting injuries that are sufficient to cause death in the ordinary course of nature and claim that they are not guilty of murder. If



*they inflict injuries of that kind, they must face the consequences; and they can only escape if it can be shown, or reasonably deduced, that the injury was accidental or otherwise unintentional.”*

## DECISION

The Court decided that the prosecution had proven a *prima facie* case and Boy A pleaded guilty thereafter. The Court convicted Boy A of an offence of murder punishable under section 302 of the Penal Code. However, because Boy A was a child (13-years-old) when he committed the murder, he was punished in accordance with subsection 97(2) of the Child Act 2001 [Act 611] which states—

## Death

**97. (1)** A sentence of death shall not be pronounced or recorded against a person convicted of an offence if it appears to the Court that at the time when the offence was committed he was a child.

**(2)** In lieu of a sentence of death, the Court shall order a person convicted of an offence to be detained in a prison during the pleasure of—

**(a)** the Yang di-Pertuan Agong if the offence was committed in the Federal Territory of Kuala Lumpur or the Federal Territory of Labuan; or

**(b)** the Ruler or the Yang di-Pertua Negeri, if the offence was committed in the State.

JUL  
-  
DIS  
2020



## AKTIVITI ILKAP – SEPTEMBER 2020

24 September 2020

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2019  
Program Pengurusan Kehakiman dan Perundangan JPM





## AKTIVITI ILKAP – SEPTEMBER 2020

30 September 2020

Kunjungan Hormat YBhg. Datin Ketua Pengarah ILKAP  
bersama YB Dato' Takiyuddin bin Hassan  
Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen Dan Undang-Undang)





## PENGGUNAAN TELEFON PINTAR SECARA PRODUKTIF

Disediakan oleh: Nor Nazirawati @ Nur Izzati binti Anang  
Diolah oleh: Ainnan binti Mohd Rasid

### Pengenalan

Telefon pintar<sup>14</sup> kini merupakan suatu alat (*gadget*) yang digunakan secara meluas dalam kalangan masyarakat. Berdasarkan Kajian Penggunaan Telefon Bimbit 2018 yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, pengguna telefon pintar terus meningkat dengan kadar penembusan telefon pintar meningkat 2.1% daripada 75.9% pada tahun 2017 hingga 78.0% pada tahun 2018.

Fungsi utama telefon pintar sebagai alat komunikasi yang bersifat versatil menjadikannya sebagai salah satu

keperluan asas kepada masyarakat di era teknologi ini.

Apa itu “telefon pintar” atau “smartphone”? Menurut *Oxford Learner’s Dictionaries*<sup>15</sup>, “smartphone” adalah telefon bimbit yang menjalankan banyak fungsi yang ada pada sesebuah komputer dan kebiasaannya mempunyai skrin sentuh sebagai antara mukanya, boleh mengakses internet dan memiliki sistem operasi yang mampu menjalankan aplikasi<sup>16</sup> yang dimuat turun. Sistem operasi yang kini lazim digunakan bagi telefon pintar adalah *Android* dan *iOS* walaupun pada suatu masa dulu *Symbian*, *Blackberry* dan *Microsoft* turut digunakan.<sup>17</sup>



<sup>14</sup>. Telefon pintar juga ada kalanya dikenali sebagai telefon bimbit (*hand phone*) atau telefon mudah alih (*mobile phone*)

<sup>15</sup>. <https://www.oxfordlearnersdictionaries.com/definition/english/smartphone>

<sup>16</sup>. Lebih dikenali sebagai “apps”

<sup>17</sup>. <https://www.pcmag.com/encyclopedia/term/smartphone-operating-system>



Penggunaan telefon pintar yang diurus dengan baik akan memberikan impak positif kepada pengguna. Telefon pintar perlu dilengkapi dengan aplikasi canggih mengikut keperluan kerana ia amat membantu pengurusan aktiviti harian pengguna. Pemilihan aplikasi untuk dipasang (*install*) pada telefon pintar wajar diberikan perhatian kerana ia secara tidak langsung akan mempengaruhi cara penggunaannya dan jika digunakan secara bijak, aplikasi berkenaan akan membantu meningkatkan produktiviti dan kelancaran aktiviti harian pengguna.

- *WhatsApp Messenger dan Telegram*

- Merupakan aplikasi komunikasi yang menjadi pilihan untuk medium komunikasi antara keluarga dan rakan-rakan. Kedua-dua aplikasi ini juga tidak terhad untuk komunikasi sahaja tetapi ia juga boleh menjadi medium perkongsian fail seperti dokumen, audio dan video kerana penggunaannya yang mudah dan meluas.




- *Notes*

- Merupakan aplikasi penyimpanan nota dalam format *soft copy* yang amat membantu pengguna untuk menyimpan sebarang nota atau catatan. Jika sebelumnya nota dicatatkan dalam kertas atau buku nota, kini ia telah melalui evolusi sehingga membolehkan pengguna mencatatkan nota dengan lebih pantas dan mudah.


Lazimnya, sesebuah telefon pintar telah dilengkapi dengan aplikasi asas seperti aplikasi e-mel, kalender dan pengurusan fail. Selain itu, terdapat pelbagai aplikasi lain yang boleh dimuat naik menerusi App Store atau Play Store mengikut kategori dan fungsi. Antara aplikasi popular dan selalu diguna pakai adalah seperti yang berikut:



- Pengguna tidak perlu lagi menyimpan atau membawa kertas atau buku nota yang tebal dan hanya perlu menggunakan telefon pintar untuk menyalin sebarang nota yang diingini. Tambahan pula, aplikasi Notes ini juga dilengkapi dengan ciri-ciri penetapan peringatan (*reminder*) pada nota yang boleh membantu pengguna dalam pengurusan tindakannya.



- Kalkulator
- Merupakan aplikasi mesin kalkulator dalam bentuk virtual yang boleh digunakan untuk mengira pelbagai jenis pengiraan matematik mudah. Aplikasi ini tidak lagi memerlukan pengguna membawa kalkulator atau membuat pengiraan di atas kertas dan sangat berguna dalam mempercepatkan pengiraan yang melibatkan nombor yang besar.



- Jam
- Merupakan aplikasi yang memberikan pengguna pengetahuan tentang waktu semasa di kedudukan pengguna dan mana-mana kedudukan utama lain yang dipilih oleh pengguna. Selain itu, jika pada suatu masa dahulu jam loceng amat penting untuk memastikan jadual harian seseorang itu tidak terganggu akibat kelewatan, kini telefon pintar boleh mengambil alih tugas jam loceng dengan aplikasi jam sedia ada dengan kegunaan tambahan seperti jam randik (*stopwatch*) dan *reminder*.



- Kalender

- Merupakan aplikasi kalender dalam bentuk virtual dengan kelebihan seperti *reminder* dengan bunyi peringatan yang bukan sahaja boleh ditetapkan sekali, tetapi boleh juga ditetapkan setiap minggu, bulan maupun tahunan. Contohnya tarikh penting seperti hari jadi, hari ulang tahun, temu duga, temu janji hospital dan sebagainya.<sup>18</sup>


Selain pemakaian aplikasi asas, penggunaan telefon pintar juga membolehkan pengguna mengisi masa lapang dengan pelbagai jenis aktiviti sama ada yang berbentuk ilmiah atau santai. Telefon pintar yang dilengkapi dengan aplikasi spesifik boleh digunakan untuk membaca, menulis, menonton, merakam, mendengar dan pelbagai lagi aktiviti lain. Pengguna boleh mendapatkan input berguna daripada aplikasi pencarian maklumat seperti *Google Search* yang menyimpan pelbagai jenis data dengan kaedah akses yang mesra pengguna. Pengguna juga boleh mengetahui keadaan semasa negara atau dunia menerusi laman web berita atau akhbar dalam talian seperti Astro Awani, BH Online dan sebagainya. Selain daripada aktiviti ilmiah, pengguna juga boleh mengisi masa lapang secara bersantai dengan menggunakan aplikasi podcast seperti Syok untuk mendengar radio atau Spotify untuk mendengar muzik dan bermain pelbagai jenis aplikasi permainan.



<sup>18.</sup> <https://android.gadgethacks.com/news/5-best-android-calendar-apps-replace-your-stock-one-0173013/>



Bagi umat Islam, amat sesuai jika telefon pintar dilengkapi dengan aplikasi al-Quran dan hadis kerana ia membolehkan pengguna membaca dan membuat rujukan pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. Aplikasi mySolat merupakan satu aplikasi yang dibangunkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi memudahkan umat Islam di Malaysia untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan ibadah solat. Antara kemudahan dan fungsi utama yang terdapat dalam aplikasi ini adalah Waktu Solat bagi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, Arah Kiblat, Surat Pilihan, Kalendar Islam, Masjid Terdekat, Doa Harian, Koleksi Bacaan, Infografik, Tasbih Digital dan sebagainya.<sup>19</sup>



Pembelian dalam talian dengan menggunakan telefon pintar juga telah menjadi trend pada masa kini dan ia terbukti sangat berguna dalam keadaan dunia dilanda pandemik Covid-19 terutamanya. Pelbagai jenis pembelian termasuklah barang elektrik, makanan, buah-buahan malahan tumbuhan boleh dibuat menerusi aplikasi seperti Lazada dan Shopee. Kaedah ini bukan sahaja memudahkan pengguna untuk membeli barang kerana segalanya berada di hujung jari, malahan ia menjimatkan masa kerana


pengguna tidak lagi perlu ke kedai untuk membuat pembelian. Pengguna hanya perlu mengamalkan perancangan keperluan dan bajet supaya perbelanjaan dapat dikawal dan pengguna tidak berbelanja sehingga menyebabkan pembaziran.

19. <https://gamma.malaysia.gov.my/#/appDetails/605>



Aplikasi telefon pintar yang dipilih wajar dilihat dari segi kepentingan untuk kegunaan harian. Sebelum memasang sesuatu aplikasi dalam telefon pintar, pengguna wajar membaca maklumat aplikasi tersebut seperti fungsi, keperluan, capaian dan ulasan pengguna lain. Bagi mengoptimumkan penggunaan telefon pintar, pengguna boleh membuat semakan aplikasi sedia ada yang terdapat dalam telefon pintar dan menyahpasang (*uninstall*) aplikasi yang tidak digunakan, tidak diperlukan atau melalaikan. Ini bukan sahaja dapat mengurangkan kapasiti storan (*storage*) telefon pintar yang digunakan dan menjadikan sistemnya lebih pantas, tetapi dapat memberikan ruang kapasiti storan tersebut untuk aplikasi lain yang lebih bersesuaian dengan kehidupan harian pengguna.

Dengan perkembangan teknologi yang terkini, Kerajaan Malaysia tidak ketinggalan dalam meningkatkan pemakaian pelbagai jenis aplikasi yang memberikan pelbagai manfaat kepada pengguna bergantung kepada keperluan pengguna tersebut. Banyak inisiatif Kerajaan telah dilaksanakan dalam membangunkan aplikasi untuk telefon pintar sebagai salah satu medium penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Antara aplikasi yang telah tersedia adalah myHRMIS Cuti, mySejahtera, mySolat, PriceCatcher dan myHealth. Pengguna boleh mendapatkan aplikasi yang dibangunkan oleh Kerajaan Malaysia di laman Galeri Aplikasi Mudah Alih Kerajaan Malaysia atau lebih dikenali sebagai GAMMA.<sup>20</sup>





Selain penggunaan aplikasi telefon pintar, cara susunan paparan aplikasi pada skrin telefon pintar juga memainkan peranan dalam melancarkan cara pencapaian aplikasi untuk pengguna. Aplikasi yang selalu digunakan dan penting boleh disusun di paparan utama skrin telefon pintar manakala aplikasi yang kurang penting boleh disusun di paparan seterusnya.

Kesimpulannya, penggunaan telefon pintar wajar dilihat menerusi perspektif yang positif. Impak penggunaan telefon pintar bergantung kepada pengguna itu

sendiri dan pengurusan penggunaannya harus ditangani dengan cermat. Kebergantungan kepada telefon pintar perlu dipantau kerana sekiranya telefon pintar digunakan dengan sewajarnya tanpa melangkaui had sehingga menyebabkan ketagihan, ia akan dapat memberikan manfaat yang berlipat ganda kepada penggunanya.

Telefon pintar untuk pengguna menjadi lebih pintar!





## AKTIVITI ILKAP – OKTOBER 2020

1 Oktober 2020

Majlis Amanat Ketua Pengarah dan  
Perhimpunan Bulanan Bil. 2 & Bil. 3 Tahun 2020





## AKTIVITI ILKAP – OKTOBER 2020

1 Oktober 2020

Sesi Perkongsian Ilmu Sempena Majlis Amanat Ketua Pengarah & Perhimpunan Bulanan Bil. 2 & Bil. 3 Tahun 2020





## AKTIVITI ILKAP – OKTOBER 2020

6 Oktober 2020

Kunjungan Hormat Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Cemerlang  
YBrs. Dr. Hafriza Burhanudeen






## PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP), STESEN KUARANTIN ILKAP DAN RASIONAL PKP MENURUT MAQASID SYARIAH

Disediakan oleh: Hanif bin Jamaludin

### Pengenalan

Penyakit Koronavirus 2019 telah dikesan di bandar Wuhan, wilayah Hubei, China pada penghujung tahun 2019 serta mula meragut nyawa ratusan penduduk China pada ketika itu. Virus ini merupakan virus baharu yang wujud di dunia dan boleh tersebar dengan mudah dalam kalangan manusia.

Pada 12 Februari 2020, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah memberikan nama baharu kepada virus ini sebagai “COVID-19” dan seterusnya pada 11 Mac 2020, WHO telah mengisyiharkan COVID-19 sebagai pandemik, iaitu wabak penyakit yang tersebar dengan begitu meluas dan menjangkau 235 negara di seluruh dunia. Setakat 8 Oktober 2020, WHO melaporkan bahawa sebanyak 36,002,827 kes positif COVID-19 dan 1,049,810 nyawa telah diragut oleh COVID-19 di serata dunia.<sup>21</sup>



<sup>21</sup>. <https://covid19.who.int/>



Dalam masalah global ini, Malaysia tidak terkecuali dan turut menerima kesan negatif yang besar akibat penularan COVID-19. Kerajaan telah mengambil langkah yang tegas dengan memperkenalkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula pada 18 Mac 2020 bagi mengekang penyebaran penyakit ini. Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bertindak pantas menyekat pergerakan rakyat dan memperkenalkan norma baharu kepada masyarakat. PKP yang dikuatkuasakan ini telah mengetengahkan pelbagai inisiatif dalam memutuskan rantaian COVID-19. Antaranya adalah dengan mewujudkan Stesen Kuarantin dan Institut Latihan Kehakiman dan Perundungan (ILKAP) merupakan salah satu Stesen Kuarantin yang telah diwartakan di bawah Perisytiharan Stesen Kuarantin (No. 2) 2020 [P.U.(B) 179/2020].

## PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Pengumuman YAB Tan Sri Muhyiddin bin Yassin, Perdana Menteri Malaysia pada 16 Mac 2020 benar-benar memberikan kesan yang mendalam kepada rakyat Malaysia. Semua lapisan masyarakat terkejut dengan langkah yang diambil oleh Kerajaan Malaysia menerusi pelaksanaan PKP yang berkuat kuasa di seluruh Malaysia bermula 18 hingga 31 Mac 2020. Walau bagaimanapun, tindakan ini diambil bagi mengekang penularan COVID-19 kerana angka jangkitan semakin

meningkat setiap hari. Koronavirus mempunyai sifat mudah berjangkit melalui pernafasan. Tanpa disedari, ramai orang akan menjadi mangsa sekiranya langkah pencegahan tidak diambil terutamanya dalam tempoh 14 hari pengaraman virus. Demam, batuk dan kesukaran bernafas merupakan sebahagian daripada simptom apabila seseorang dijangkiti COVID-19. Sebelum PKP dikuatkuasakan, Gelombang Pertama COVID-19 telah merekodkan sebanyak 22 kes dan jumlah ini meningkat kepada 651 kes semasa Gelombang Kedua. Pelbagai kluster telah menyumbang kepada peningkatan statistik kes ini seperti Kluster Sri Petaling, Kluster Perhimpunan Gereja di Kuching, Kluster Maahad Tahfiz dan banyak lagi.

Berdasarkan peruntukan dalam Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] dan Akta Polis 1967 [Akta 344], PKP melarang sebarang pergerakan dan perhimpunan orang ramai serta perlu kekal di rumah sepanjang tempoh tersebut, kecuali bagi perkhidmatan perlu (*essential services*) seperti perkhidmatan kesihatan, keselamatan dan kewangan. Akta ini memberikan kuasa kepada Kerajaan untuk mengambil langkah-langkah yang perlu dalam mengawal sesuatu wabak penyakit daripada merebak. Ini termasuklah mengisyiharkan kawasan wabak seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 11 Akta 342 dan mengasingkan pesakit mahupun kontak pesakit daripada masyarakat di bawah seksyen 14 Akta 342. Kerajaan turut menguatkuasakan Peraturan-Peraturan Pencegahan dan



Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020 yang memberikan kuasa kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) menurut peruntukan seksyen 3 Akta 342. Pasukan perubatan, PDRM, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Angkatan Pertahanan Awam (APM) dan RELA telah diiktiraf sebagai barisan hadapan dalam memerangi COVID-19. Selain itu, pelbagai agensi Kerajaan lain, badan bukan Kerajaan (NGO) dan individu di seluruh Malaysia turut menyumbang tenaga dan sokongan dalam membantu pihak Kerajaan dalam menangani virus ini.

**FRONTLINERS**  
SALING LINDUNGI DARIPADA JANGKITAN  
**COVID-19**

Senantiasa amalkan langkah-langkah pencegahan

- ✓ Amalkan penjarakan fizikal
- ✓ Pakai pelitup muka dan alat pelindung diri (Personal Protective Equipment, PPE) mengikut keperluan tugas
- ✓ Kerap basuh tangan dengan air dan sabun atau guna hand sanitizer
- ✓ Amalkan etika batuk dan bersin yang betul

Kementerian Kesihatan Malaysia

MyHEALTH

f  
t  
y  
i

MYHEALTHKKM

SCAN ME

Kerajaan berusaha mengurangkan penularan COVID-19 dengan pelaksanaan beberapa jenis perintah pergerakan dan telah dilaksanakan dalam lapan (8) fasa dengan yang terkini PKP Pemulihan (PKPP) berkuat kuasa dari 1 September hingga 31 Disember 2020. Sepanjang tempoh ini, MKN dan KKM telah menjadi agensi utama dalam menyalurkan informasi kepada masyarakat. Tokoh-tokoh berwibawa telah dilantik secara khusus sebagai jurucakap Kerajaan seperti YB Dato' Sri Ismail Sabri Yaacob, Menteri Kanan (Keselamatan) yang bertindak sebagai jurucakap Kerajaan bagi melaporkan perkembangan PKP dalam aspek *non-health*. Sementara itu, YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan memainkan peranan kuat dalam memberikan hebatan mengenai aspek kesihatan berhubung kes-kes COVID-19. Kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang tegas dan bersepada bagi memastikan objektif PKP dicapai sepenuhnya. Antara langkah-langkah tersebut adalah seperti yang berikut:

- (a) membangunkan pelbagai *Prosedur Operasi Standard* (SOP) seperti SOP Pembukaan Semula Sekolah, SOP Sektor Ekonomi dan sebagainya sepanjang tempoh PKP bagi keselamatan rakyat dan sebagai usaha memutuskan rangkaian virus;
- (b) mengambil tindakan undang-undang termasuk mengkompaun dan mendakwa mereka yang ingkar SOP semasa PKP di mahkamah;



- (c) mewartakan institut latihan awam dan hotel-hotel sebagai Stesen Kuarantin untuk *Patient Under Investigation* (PUI) dan *Person Under Surveillance* (PUS);
- (d) melaksanakan sekatan jalan raya yang melibatkan kerjasama PDRM, ATM dan RELA bagi mengawal pergerakan orang ramai daripada keluar rumah dan merentas daerah manapun negeri; dan
- (e) mewujudkan Tabung COVID-19 bagi membantu pesakit yang terkesan dengan PKP serta melancarkan inisiatif Bantuan Prihatin Nasional (PRIHATIN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA).



**Warta Kerajaan**  
SERI PADUKA BAGINDA  
DITERBITKAN DENGAN KUASA  
  
HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE  
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 64  
No. 6

21hb Mac 2020

TAMBAHAN No. 48  
PERUNDANGAN (B)

P.U. (B) 179.

AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988  
PREVENTION AND CONTROL OF INFECTIOUS DISEASES ACT 1988

PERISYIHKAN STESEN KUARANTIN (No. 2) 2020  
DECLARATION OF QUARANTINE STATIONS (No. 2) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 2 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342], Menteri mengisyiharkan tempat yang dinyatakan dalam Jadual sebagai stesen kuarantin.

In exercise of the powers conferred by section 2 of the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988 [Act 342], the Minister declares the places specified in the Schedule as quarantine stations.

JADUAL/SCHEDULE

## STESEN KUARANTIN ILKAP

Setelah lapan (8) hari PKP dikuatkuasakan, Kerajaan telah mengarahkan agar Stesen Kuarantin ditambah dan ini telah melibatkan institut latihan awam di seluruh Malaysia. ILKAP tidak terkecuali daripada dijadikan Stesen Kuarantin dan pada 26 Mac 2020 ILKAP secara rasminya mula beroperasi sebagai sebuah Stesen Kuarantin di Selangor. Kawal selia Stesen Kuarantin ILKAP diletakkan di bawah Pegawai Daerah Hulu Langat yang bertindak selaku Penyelaras Pengurusan Bencana Daerah Hulu Langat dan Pejabat Tanah Daerah Hulu Langat menjadi urus setia yang menguruskan penjalanan Stesen Kuarantin ini.

Pelbagai agensi Kerajaan di peringkat pusat, negeri dan daerah telah terlibat dalam pengoperasian Stesen Kuarantin ILKAP seperti Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Bilik Gerakan Negeri Selangor, PDRM, APM, RELA, Pejabat Kesihatan Daerah, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Kerja Raya, Majlis Perbandaran Kajang, Radicare Sdn. Bhd dan ILKAP sendiri. Malahan, Menteri Besar Selangor, YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari sendiri telah melawat operasi Stesen Kuarantin ILKAP pada 7 April 2020. Sebagai barisan hadapan yang perlu menguruskan PUS yang dikuarantin di ILKAP, banyak cabaran dihadapi termasuklah melayan keranah PUS yang menganggap diri mereka 'kluster kayangan'. Namun dengan iltizam dan motivasi yang tinggi, segala cabaran berjaya diatasi dengan penuh hikmah.



Sepanjang tempoh kuarantin PUS selama 14 hari, beberapa ujian telah dilaksanakan oleh Pejabat Kesihatan Daerah bagi memastikan mereka bebas daripada jangkitan COVID-19. Mana-mana PUS yang menunjukkan simptom atau disahkan dijangkiti COVID-19 akan dihantar ke Hospital Sungai Buloh untuk rawatan lanjut. Berdasarkan statistik sehingga 23 September 2020, seramai 729 orang PUS telah dikuarantin di ILKAP. Antara kluster yang pernah dikuarantin di ILKAP adalah Kluster Sri Petaling, An-Nabawiyah dan warganegara Malaysia yang baru pulang dari luar negara.

Walaupun ILKAP sedikit terjejas dengan pandemik COVID-19 dan pengoperasian Stesen Kuarantin, warga ILKAP tetap memberikan komitmen dalam memastikan pelaksanaan program latihan kepada pegawai daripada perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan serta agensi penguatkuasaan tidak terjejas sepenuhnya. Sebanyak 46 program latihan berjadual telah disusun semula dan yang pertama mula dilaksanakan pada 29 Jun 2020 dengan seminar akhir dijadualkan pada 28 Oktober 2020. Setiap program latihan yang diadakan di ILKAP kini perlu mematuhi SOP yang ketat. Antaranya adalah peserta dikehendaki untuk mengamalkan penjarakan fizikal<sup>22</sup> dan memakai pelitup muka di dalam bilik kuliah.

Selain itu, ILKAP juga telah mengorak langkah ke hadapan dengan menganjurkan program latihan secara dalam talian seperti Kursus Pengendalian Senjata Api dan *Workshop on Enforcement of Forfeiture Order*.

## RASIONAL PKP MENURUT PANDANGAN MAQASID AL-SYARIAH

Terma “maqasid” berasal daripada perkataan *maqsud* atau *maqsad* yang bermakna tujuan, matlamat atau maksud. Terma “al-Syariah” pula dari segi bahasa bermaksud air yang mengalir atau menerangkan. Dari segi istilah, “al-Syariah” bermaksud apa jua hukum agama yang ditetapkan oleh Allah SWT atas hamba-Nya untuk memandu kehidupan mereka. Maka, istilah “Maqasid al-Syariah” bermaksud matlamat yang diinginkan oleh Allah SWT di sebalik sesuatu hukum dan undang-undang Islam, yang diperolehi melalui penelitian ulama mujtahid daripada teks-teks syariah<sup>23</sup>.

Al-Shatibi dalam penulisannya, *al-Muwafaqat fi Usul al-Syariah*, membahagikan *Maqasid al-Syariah* kepada tiga (3) tahap, iaitu *dharuriyyat* (keutamaan)<sup>24</sup>, *hajiyyat* (keperluan) dan *tahsiniyyat* (tambahan)<sup>25</sup>. Ulama merumuskan bahawa *al-dharuriyyat* dalam *Maqasid al-Syariah* memelihara lima (5) perkara utama iaitu agama, jiwa, keturunan, harta dan akal. Apa jua yang menjamin pemeliharaan kelima-lima perkara ini diiktiraf sebagai maslahat.<sup>26</sup>

<sup>22</sup>. Terdahulu terma “penjarakan sosial” digunakan dan digantikan dengan “penjarakan fizikal” pada 31 Julai 2020 menerusi pengumuman daripada akaun Twitter KKM

<sup>23</sup>. Moh. Toriquddin. (2013). Teori Maqashid Syariah Perspektif Ibnu Ashur. *Ulul Albab*, 14(2), 194-212

<sup>24</sup>. *Dharuriyyat* merupakan perkara utama yang dijaga oleh agama dan akan dikupas lanjut dalam artikel ini.

<sup>25</sup>. bu Ishaq al-Shatibi. (t.t.). *al-Muwafaqat fi Usul al-Syariah* (Vol. 1). Beirut, Lebanon: Dar al-Fikr

<sup>26</sup>. Ahmad al-Raysouni. (2010). *Madkhal ila Maqasid al-Syariah*. Kaherah: Dar al-Kalimah



Maqasid al-Syariah mementingkan kemaslahatan manusia. Banyak dalil dalam al-Quran, sunnah Rasulullah SAW dan perbincangan para ulama seperti Abu Ishaq al-Shatibi, Imam Izz al-Din bin Abd al-Salam dan ramai lagi yang menunjukkan bahawa *Maqasid al-Syariah* merupakan asas penting bagi menonjolkan keindahan Islam dalam kehidupan.

Berdasarkan pandangan beberapa pakar, langkah kawalan pergerakan yang dilaksanakan amat berkesan dalam mengawal wabak daripada terus tersebar. Berdasarkan kenyataan di atas, penulisan artikel ini akan melihat rasional langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam menangani COVID-19 dan sama ada PKP yang dilaksanakan menepati keperluan *Maqasid al-Syariah* atau sebaliknya di samping menelusuri pengalaman ILKAP sebagai sebuah Stesen Kuarantin.

Pelaksanaan PKP sebenarnya berkait rapat dengan *maslahat ‘ammah* yang ingin dicapai dalam *Maqasid al-Syariah*. Kaedah *fiqh* yang menetapkan supaya ‘*Tindak tanduk imam (pemerintah) terhadap rakyatnya hendaklah didasarkan kepada maslahat*’ telah dijadikan panduan dalam membentuk polisi terutamanya berkaitan dengan PKP<sup>27</sup>. Maka, apabila sesuatu langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan seperti PKP telah membawa kebaikan kepada rakyat, langkah tersebut dikatakan sebagai *siyasah syar’iyyah* (tadbir urus yang efektif)<sup>28</sup>. Rasional langkah yang diambil sepanjang tempoh PKP dapat dilihat dalam beberapa aspek seperti yang berikut:

## • Pemeliharaan nyawa rakyat Malaysia

Faktor pemeliharaan nyawa merupakan sebab utama PKP dikuatkuasakan oleh Kerajaan. Pada peringkat awal sebelum PKP berkuat kuasa sehingga 28 Februari 2020, jumlah kematian di negara China sahaja merekodkan 2,791 kematian dan lebih 83,652 jangkitan di seluruh dunia<sup>29</sup>. Seandainya tiada sebarang tindakan pengawalan penyakit diambil oleh Kerajaan, tidak mustahil statistik jangkitan COVID-19 ini akan merebak dan meningkat secara mendadak di Malaysia serta menyebabkan kehilangan lebih ramai nyawa. Justeru, Kerajaan tiada pilihan lain kecuali menguatkuasakan Akta 342 dan Akta 344 dengan mengambil langkah tegas menghadkan pergerakan rakyat. Pergerakan antara daerah dan negeri dilarang sepenuhnya bagi mereka yang tidak terlibat dengan perkhidmatan perlu terutamanya bagi mereka yang berada di zon merah. Pesakit COVID-19 dimasukkan ke hospital dan diberikan rawatan secukupnya. Rakyat yang berisiko, mempunyai gejala dan kontak rapat dengan pesakit COVID-19 pula diasing dan dikuarantin bagi tempoh sekurang-kurangnya 14 hari. Petugas barisan hadapan yang mengendalikan pesakit pula perlu memakai peralatan perlindungan peribadi (PPE) yang sesuai bagi mengurangkan risiko jangkitan.

- 
- <sup>27</sup>. Mohamad Zaidi Abdul Rahman. (2015). Aplikasi *Maqasid al-Syari’ah* dalam Pentadbiran Negara:
- <sup>28</sup>. Sharifah Hayaati Syed Ismail al-Qudsy, A. A. (2008). Efektif Governan dan Pelaksanaannya dalam Pentadbiran Islam. *Jurnal Syariah*, 16 (Keluaran Khas), 465-496
- <sup>29</sup>. [https://www.who.int/docs/default-source/coronavirus/situation-reports/20200228-sitrep-39-covid-19.pdf?sfvrsn=5bbf3e7d\\_4](https://www.who.int/docs/default-source/coronavirus/situation-reports/20200228-sitrep-39-covid-19.pdf?sfvrsn=5bbf3e7d_4)



Semua langkah yang diambil ini dilaksanakan bagi satu tujuan, menyelamatkan nyawa rakyat Malaysia dan ini adalah selaras dengan *Maqasid al-Syariah*. Al-Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani ketika mensyarahkan peristiwa Saidina Umar al-Khattab yang membatalkan niatnya memasuki Syam susulan penularan wabak taun ketika itu, menyatakan ia menjadi contoh agar setiap pihak mengambil semua alternatif yang wajar bagi mengelak dan membendung penyakit daripada menjangkiti orang lain<sup>30</sup>.

- Memelihara kehidupan rakyat melalui penjagaan harta

Jabatan Perangkaan Malaysia merekodkan bahawa dalam tempoh PKP Fasa 2 hingga 4, sebanyak 67.8% syarikat / firma perniagaan telah kehilangan pendapatan. Ini menyebabkan pekerja diarahkan bercuti separuh gaji, cuti tanpa gaji dan ada juga pekerja yang terpaksa diberhentikan. Situasi ini menyumbang kepada peningkatan kadar pengangguran daripada 3.3% pada Mei 2019 kepada 5.3% pada bulan Mei 2020. Berdasarkan survei yang dilakukan, rakyat dan firma perniagaan amat memerlukan bantuan Kerajaan sama ada dalam bentuk kewangan atau bantuan lain bagi menghadapi situasi getir semasa PKP<sup>31</sup>.

Kerajaan telah memperkenalkan beberapa inisiatif yang membantu rakyat semasa tempoh PKP dan tindakan ini sekali lagi selari dengan *Maqasid al-Syariah* dalam pemeliharaan harta rakyat. Rakyat tidak

dibiarkan kesusahan, malah dibantu agar kehidupan mereka pulih dan kembali normal seperti sebelum PKP. Kerajaan telah melancarkan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) berjumlah RM250 bilion dan Pelan Jana Semua Ekonomi Negara (PENJANA) berjumlah RM35 bilion. Antara bantuan yang disediakan adalah Bantuan Prihatin Nasional (BPN) yang memberikan manfaat kepada berjuta rakyat Malaysia dan Program Subsidi Upah yang berjaya membantu seramai 2.53 juta pekerja<sup>32</sup>.

- Memelihara agama daripada fitnah

Pelaksanaan PKP memberikan kesan positif dan negatif kepada agama Islam. Secara rasionalnya, PKP dikuatkuasakan bagi mengekang penularan COVID-19 dalam kalangan pengikut agama kerana perhimpunan orang ramai di sesuatu tempat akan meningkatkan risiko penyebaran COVID-19 dengan lebih cepat. Keadaan yang berlaku dalam jangkitan yang berpunca daripada Kluster Perhimpunan Tabligh Sri Petaling dikesan pada 11 Mac 2020 dan merupakan kluster terbesar dengan jumlah jangkitan sebanyak 3,375 kes positif. Mengambil pengajaran daripada kejadian tersebut, wajarlah langkah pencegahan yang diambil oleh Kerajaan bagi mengelakkan kes bertambah buruk.

<sup>30</sup>. Ibn Hajar al-'Asqalani. (2006). *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari* (Vol. 1). Lubnan: Bait al-Afkar al-Dauliyah

<sup>31</sup>. [https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cone&menu\\_id=RkJtOTHJSIBJNStOV1iM1JsKzdZUT09](https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cone&menu_id=RkJtOTHJSIBJNStOV1iM1JsKzdZUT09)

<sup>32</sup>. <https://pre2020.treasury.gov.my/pdf/Teks-Ucapan-Laporan-LAKSANA-PRIHATIN-13.pdf>



Namun, kesan negatifnya dapat dilihat apabila semua aktiviti keagamaan telah disekat. Contohnya, bagi Muslimin dan Muslimat, aktiviti berkumpul di masjid untuk solat berjemaah, mengikuti kuliah agama dan pelbagai aktiviti kerohanian tidak lagi dapat dilakukan. Malahan, Kerajaan terpaksa mengambil beberapa langkah drastik seperti menangguhkan bukan sahaja solat berjemaah tetapi solat Jumaat yang diwajibkan buat Muslimin bermula 17 Mac 2020. Menurut YB Datuk Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri, penangguhan solat Jumaat dan jemaah tidak bermaksud *hifz al-nafs* diutamakan berbanding *hifz al-din*. Sebaliknya, situasi COVID-19 ini merupakan ancaman kepada nyawa manusia keseluruhannya, manakala solat Jumaat dan solat berjemaah merupakan pelengkap kepada *hifz al-din*. Maka, apabila bertemunya dua (2) perkara ini, keutamaan yang lebih tinggi didahulukan berbanding yang lebih rendah<sup>33</sup>. Setelah PKPP dikuatkuasakan, Kerajaan telah membenarkan solat Jumaat dan masjid dibuka semula di samping membangunkan SOP bagi aktiviti masjid dan surau di bawah sektor sosial. Antaranya adalah mewajibkan jemaah supaya berwuduk di rumah, mengamalkan penjarakan sosial sekurang-kurangnya satu (1) meter di antara jemaah dan jemaah perlu membawa sejадah sendiri<sup>34</sup>.



35

## KESIMPULAN

Pandemik COVID-19 benar-benar menguji kemampuan pemerintah dalam menanganinya. Secara umumnya, Kerajaan Malaysia telah mengambil semua langkah yang perlu dalam membendung penularan COVID-19 di Malaysia. Kejayaan menurunkan lekuk jangkitan dengan kadar penyembuhan penyakit yang menjangkau 92.32% (sehingga 22 September 2020) memberikan indikasi bahawa pelaksanaan PKP amat berkesan memerangi pandemik ini selain daripada rawatan yang disediakan oleh pihak KKM. Berdasarkan fakta yang dinyatakan di atas, PKP yang dilaksanakan adalah menepati konsep *Maqasid al-Syariah* kerana Kerajaan memberikan perhatian dalam usaha menjaga maslahat rakyat di samping mengekang maf sadah. Nyawa menjadi faktor utama yang perlu dipelihara dan Kerajaan berdepan dengan cabaran besar untuk memastikan rakyat terhindar daripada bahana bawaan COVID-19. Bagi menyokong usaha Kerajaan, kerjasama rakyat amat perlu dalam memastikan usaha mengekang COVID-19 benar-benar berjaya. Kerjasama semua pihak akan dapat memastikan PKP mencapai matlamatnya dan memenuhi keperluan dalam memelihara *al-dharuriyyat al-khamsah* dalam *Maqasid al-Syariah*.

<sup>33</sup>. <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-usul-fiqh/4347-irsyad-usul-fiqh-siri-ke-52-tangguh-solat-jumaat-adakah-dikira-mendahulukan-nyawa-berbanding-agama>

<sup>34</sup>. <http://www.islam.gov.my/rujukan/garis-panduan/2465-sop-aktiviti-masjid-dan-surau>

<sup>35</sup>. <http://www.islam.gov.my/bahagian-maqasid-syariah/1181-prinsip-maqasid-syariah>



## LAPORAN KHAS PENCAPAIAN PEMBUDAYAAN INOVASI DI ILKAP BAGI TAHUN 2020

Disediakan oleh: Ainnan binti Mohd Rasid

Pada tahun 2020, Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) telah melihat pembudayaan inovasi yang dilaksanakan oleh para pemenang Pertandingan Inovasi ILKAP 2019 dengan kerjasama pelbagai pihak terutamanya pihak Bahagian Pengurusan ILKAP.

Produk Kongsi Tanda Sayang (KTS Vers. 1) yang diketengahkan oleh En.Hanif Jamaludin, En. Fariz Rizal Rasdi, Pn. Haslina Ali dan Pn. Rusmawaty Mohd Yusof telah memenangi Tempat Pertama dalam Kategori ICT. Ia mula dilaksanakan pada 7 Januari 2020 dan disasarkan kepada warga ILKAP sebagai pengguna dalam usaha untuk meningkatkan mutu dan memudahkan pelaksanaan tugas yang melibatkan pengurusan program latihan anjuran ILKAP.

Inovasi 2019-Jadual Penggunaan Fasiliti (Induk) 11 Mac 2020 - Excel																			
A	B	C	D	E	F	G	H	I	K	L	M	N	O	P	Q	R	S	T	U
93	Perundangan	Ezwanee	Surina	10	Februari	13	Februari	Enakmen					Depan Kelas	Bankuet 2	Bankuet 2	Asrama AB			
94	MyTC	Haslina Ali	Ezarina	15	Januari	16	Januari	BK 1							Bankuet 2				
95	MyTC	Haslina Ali	Ezarina	28	Januari	29	Januari	BK 3							Bankuet 2				
96	MyTC	Haslina Ali	Ezarina	28	Januari	31	Januari	BK 4							Bankuet 2	Bankuet 2	Asrama AB		
97	MyTC	Haslina Ali	Ezarina	20	Februari	22	Februari	Dewan Kuliah							Bankuet 2	Bankuet 2	Asrama AB		
98	MyTC	Haslina Ali	Ezarina	18	Februari	20	Februari	BK 2							Bankuet 2	Bankuet 2	Asrama AB		
99	MyTC	Haslina Ali	Ezarina	11	Februari	13	Februari	BK 2							Bankuet 2	Bankuet 2	Asrama AB		
100	MyTC	Haslina Ali	Ezarina	4	Februari	6	Februari	BK 3							Bankuet 2	Bankuet 2	Asrama AB		



Seterusnya ILKAP juga telah melihat pembudayaan inovasi menerusi Produk **Scan and Go** yang diperkenalkan oleh Pn. Nik Fadhilah Nik Ibrahim, En. Fariz Rizal Rasdi, Pn. Haslina Ali dan Pn. Rusmawaty Mohd Yusof. Produk ini telah memenangi Tempat Kedua dalam Kategori *ICT* dan ia merupakan suatu produk inovasi yang diperkenalkan bagi menyahut cabaran perkembangan teknologi semasa. **Scan and Go** ini memberikan kemudahan akses di hujung jari untuk mendapatkan pelbagai maklumat berkaitan dengan ILKAP. Produk inovasi ini juga tidak diterhadkan kepada warga ILKAP, malahan ia digalakkan untuk diguna pakai oleh pengunjung dan para peserta program latihan anjuran ILKAP untuk mendapatkan maklumat dan lokasi program latihan di ILKAP dengan hanya menggunakan **QRScan** yang disediakan di sekitar bangunan dan lokasi ILKAP.

Produk inovasi Kategori *Non-ICT* yang telah diaplikasikan di ILKAP adalah **Kaunter Sendiri** yang diperkenalkan oleh Pn. Haslina Ali dan Pn. Rusmawaty Mohd Yusof dan **Tanda Nama Aset** yang diperkenalkan oleh Pn. Hany Noorazrina Mat, Pn. Marina Othman, Pn. Nolisa Mustafa, En. Ahmad Mubarak Mohamad Zahid dan Pn. Normilah Samsuni. Bagi Kaunter Sendiri, ia mula digunakan oleh warga ILKAP pada 21 Januari 2020 dan telah dilaksanakan untuk memberikan kemudahan kepada warga ILKAP dari segi urusan peribadi mereka. Sebuah rak di Lobi ITITC ILKAP telah disediakan sebagai lokasi kutipan surat dan barang-barang persendirian (bukan rasmi) warga ILKAP. Bagi Tanda Nama Aset pula, ia dilaksanakan bermula Disember 2019 bagi memudahkan semakan aset ILKAP.



Kesemua pencapaian pembudayaan inovasi di ILKAP pada tahun 2020 ini adalah amat memberangsangkan dan ILKAP bersedia untuk meneruskan budaya inovasi dalam meningkatkan lagi produktiviti dan mutu kerja di ILKAP.



## SIDANG REDAKSI

NAMA	UNIT/SEKSYEN PROGRAM/BAHAGIAN	TANGGUNGJAWAB
Puan Faradziah binti Kasah	Ketua Unit Unit Penyelidikan dan Inovasi	Ketua Projek
Puan Ainnan binti Mohd Rasid	Pegawai Undang-Undang Unit Penyelidikan dan Inovasi	Pemantauan Keseluruhan Projek dan Editor / Penyunting Akhir
Puan Faradziah binti Kasah	Ketua Unit Unit Penyelidikan dan Inovasi	Penemu bual bagi Sesi Temu bual
Puan Ainnan binti Mohd Rasid	Pegawai Undang-Undang Unit Penyelidikan dan Inovasi	Penemu bual bagi Sesi Temu bual
Puan Zalina binti Haji Awang @ Mamat	Pengarah Program Perundangan	Penulis Artikel pihak Program Perundangan
Tuan Haslamizan bin Maliki	Ketua Penolong Pengarah Program Penasihat	Penulis Artikel pihak Program Penasihat
Tuan Mazlan bin Yahya	Pengarah Program Pembangunan Kerjaya dan Pentadbiran	Penulis Artikel pihak Program PKP (sambungan akhir siri lalu)
Encik Hanif bin Jamaludin	Timbalan Pendaftar Bahagian Pengurusan	Penulis Artikel / Makluman / Maklumat Bahagian Pengurusan
Puan Nor Nazirawati @ Nur Izzati binti Anang	Pegawai Teknologi Maklumat Seksyen Teknologi Maklumat	Penulis Artikel Isu Teknologi
Puan Ainnan binti Mohd Rasid	Pegawai Undang-Undang Unit Penyelidikan dan Inovasi	Membuat pemilihan gambar-gambar bagi aktiviti di ILKAP dari Julai-Okttober 2020
Puan Noraini binti Saidin	Pengarah Bahagian Maklumat	Penyunting
Puan Noor Ezwanee binti Mohamad	Ketua Penolong Pengarah Program Perundangan	Penyunting Keseluruhan
Encik Shahrul Firdaus bin Mohd Shahiri	Pereka Grafik (Unit Koleksi Bercetak) Bahagian Maklumat	Urusan Grafik (produk akhir)